

**JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN  
UNIT BAHASA**

**SOALAN PERCUBAAN BAHASA MELAYU SPM  
2014**

**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 1**  
**2 ¼ Jam**

**1103/1**

**Dua Jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA BUKU KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian.*
2. *Jawab kedua-dua bahagian.*
3. *Bahagian B mempunyai 5 soalan. Pilih hanya satu soalan sahaja.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

**SET 1**


**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan: 45 minit]

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Kemudian, huraikan pendapat anda tentang **cara-cara murid mengisi masa dengan pelbagai aktiviti berfaedah**. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**AKTIVITI-AKTIVITI BERFAEDAH PADA MASA LAPANG**



## **BAHAGIAN B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Perkembangan teknologi maklumat pada hari ini banyak memberi manfaat kepada pelajar.  
Huraikan faedah yang anda peroleh dengan menguasai teknologi maklumat.
2. Keluarga penyayang tonggak keharmonian dalam kehidupan.  
Bincangkan langkah-langkah untuk melahirkan keluarga penyayang dalam masyarakat di Malaysia.
3. Bidang pelancongan merupakan suatu industri yang menjadi salah satu punca pendapatan negara.  
Huraikan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan untuk menjadikan tempat pelancongan di Malaysia lebih menarik.
4. Kebanjiran pekerja asing telah memberikan kesan positif kepada sesebuah negara.  
Bincangkan kesan-kesan positif yang dibawa oleh pekerja asing itu kepada negara kita.
5. Peribahasa Melayu ada menyebut, *sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit*.  
Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa di atas.

**KERTAS SOALAN TAMAT**